

12 JANUARI 2018

## Pelakon tampar polis disahkan positif ganja

4 NASIONAL

# Pelakon tampar polis disahkan positif ganja



MUHAMMAD AFHAM RAMLI

**Ujian air kencing yang dijalankan terhadap pelakon berkenaan didapati positif dadah jenis ganja.” - Mohd Zani**

PETALING JAYA - Pelakon dan pengarah lelaki bergelar Datuk yang ditahan selepas menampar anggota polis trafik dan menendang orang awam di Balai Polis Trafik Kota Damansara, semalam, disahkan positif dadah.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din.

“Ujian air kencing yang dijalankan terhadap pelakon berkenaan didapati positif dadah jenis ganja.

“Esok (hari ini), pelakon itu akan dibawa ke mahkamah untuk dapatkan reman,” katanya.

Dalam kejadian pada jam 1.20 petang itu, pelakon terbabit dilaporkan datang ke balai polis berkenaan untuk membuat laporan berkaitan satu kemalangan jalan raya.

Ketika berurusan di kaunter terbabit, pelakon berkenaan secara tiba-tiba menampar muka petugas lelaki yang menerima aduan itu sambil menyaksikan beberapa anggota lain dan orang awam.

Difahamkan, dia turut menendang dua orang awam di dalam balai sebelum ditahan anggota polis lain.

Kes disiasat Seksyen 90 Akta Polis 1967 dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Pelakon berkenaan ditahan di Balai Polis Trafik Kota Damansara.